

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEROSAKAN SEKOLAH-SEKOLAH DI KUALA LUMPUR DAN  
SELANGOR AKIBAT RIBUT**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa kejadian ribut yang melanda beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor pada 19 Mei 2023 telah mengakibatkan kerosakan kepada 36 buah sekolah. Kerosakan tersebut melibatkan 27 buah sekolah di Kuala Lumpur dan 9 buah sekolah di Selangor.

Pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) akan membuat penilaian lanjut terhadap kerosakan yang berlaku di sekolah berkenaan dengan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya (JKR).

Seterusnya, pihak JKR akan mengemukakan laporan penilaian berserta anggaran kos kepada KPM. Penyaluran peruntukan penyelenggaraan untuk tujuan membaiki kerosakan di bawah kecemasan akan disalurkan kepada JPWPKL dan JPNS dengan kadar segera. JPWPKL, JPNS dan PPD akan melaksanakan pembaikan serta pembersihan segera bagi membolehkan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) diteruskan tanpa sebarang gangguan.

KPM sentiasa mengambil berat perkara berkaitan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan seluruh warganya.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
21 MEI 2023**